

TAHAP PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN, DAN TAHAP LATIHAN GURU PENDIDIKAN KHAS DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN KHAS

Suhartika Kasimun
suhartikasimun@gmail.com

Rosadah Bt Abdul Majid
drrosadahm@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Transformasi pendidikan bukan sahaja mengubah pendidikan bagi golongan murid tipikal bahkan juga pendidikan bagi golongan berkeperluan khas juga turut berkembang. Selaras dengan transformasi pendidikan khas, peranan dan tanggungjawab seorang guru pendidikan khas semakin mencabar dengan perkembangan pesat dan peningkatan kesedaran terhadap keperluan murid berkeperluan khas (MBK). Kajian tinjauan ini memfokuskan kepada tahap pengetahuan dan kemahiran, dan tahap latihan guru pendidikan khas dalam melaksanakan pengajaran kepada murid berkeperluan khas. Responden kajian ini terdiri daripada 100 orang guru pendidikan khas di Kuching, Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan skor tahap pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan pengajaran pendidikan khas (min = 4.09, SP = 0.683) manakala skor tahap latihan guru pendidikan khas dalam pengajaran pendidikan khas (min = 3.87, SP = 0.565) dapatan ini menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran, dan tahap latihan guru pendidikan khas adalah pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendapati bahawa, hasil perbandingan skor min menunjukkan terdapat perbezaan skor di antara tahap latihan guru opsyen pendidikan khas dan bukan opsyen pendidikan khas, iaitu tahap latihan guru dalam kalangan opsyen guru pendidikan khas (min = 3.95, SP = 0.563) adalah lebih tinggi berbanding opsyen guru bukan pendidikan khas (min = 3.61, SP = 0.502).

Kata kunci: pengetahuan, kemahiran, latihan, opsyen guru, pengajaran guru pendidikan khas.

Pengenalan

Bagi menyahut seruan dan juga melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bahagian Pendidikan Khas menjadi peranan dan tanggungjawab guru pendidikan khas sebagai pelaksana dasar dalam menjayakan hasrat yang dikemukakan. Menurut Sudirman (2013) salah satu faktor utama dalam mewujudkan pendidikan yang berkualiti ialah dengan melahirkan guru yang memiliki pendidikan dan pengetahuan yang lebih cemerlang iaitu kualiti pendidikan bergantung kepada faktor kompetensi guru, kelayakan pendidikan guru, motivasi guru, kemudahan sekolah, pelajar dan sebagainya. Seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi, guru disarankan untuk melakukan pengajaran yang bersesuaian dengan keadaan semasa namun menjadi permasalahan apabila guru belum memiliki pengetahuan yang baharu.

Kauffman dan Hallahan (2005) menyatakan seorang guru pendidikan khas yang berkesan ialah guru yang dapat memberi percubaan, peluang, perhatian dan masa tambahan kepada MBK. Terdapat keadaan di mana guru pendidikan khas menetapkan matlamat untuk mengajar kemahiran tertentu namun tidak berjaya dan beralih dengan mengajar kemahiran yang berbeza. Ini menunjukkan walaupun guru pendidikan khas menetapkan sesuatu matlamat atau kemahiran kepada murid namun terdapat kes atau waktu tertentu di mana MBK tidak dapat menerima langsung pengajaran yang disampaikan oleh guru. Di sini menunjukkan bahawa seorang guru pendidikan khas perlu menjadi seorang guru yang berputus asa dalam mendidik golongan MBK. Mohd Rizal dan Muallimah (2010) menyatakan faktor dalam memastikan proses pengajaran dan pemudahcaraan yang berkesan kepada murid ialah guru harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran di dalam bilik darjah. Keberkesanan pengajaran dan pengajaran mampu menghasilkan murid yang cemerlang. Pengetahuan guru dikategorikan dalam tiga bahagian iaitu pengetahuan isi kandungan matapelajaran, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan kurikulum (Shulman, 1987). Shulman turut mencadangkan cara untuk mengetahui keberkesanan dan kepakaran guru iaitu dengan memberi tumpuan kepada proses pengajaran guru.

Latihan adalah satu rancangan yang sistematik untuk mengubah tingkah laku pekerja bagi memperbaiki pencapaian matlamat pada masa hadapan. Abdul Rahim et.al (2006) dalam kajiannya menyatakan faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pemudahcaraan ialah guru yang tidak kompeten dan kekurangan latihan guru. Menurut Jamila (2005), guru pendidikan khas perlu mengikuti latihan khusus bagi membolehkan mereka menjalankan peranannya dengan efektif bagi mencapai dan mempertingkatkan standard pendidikan. Selain itu, guru pendidikan khas juga perlu diberi panduan tentang kaedah untuk mengajar yang sesuai bagi murid berkeperluan khas. Norizan, Zahidah dan Che Wan (2013) cabaran guru pendidikan khas dalam mengajar murid berkeperluan khas ialah tiada kursus yang spesifik diterima oleh guru untuk membantu meningkatkan keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi mencapai dan mempertingkatkan mutu pendidikan, prestasi semua kakitangan yang terlibat dalam pendidikan murid berkeperluan khas perlu dititikberatkan.

Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat kepada tahap pengetahuan dan kemahiran dan tahap latihan guru pendidikan khas dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran kepada murid berkeperluan khas. Secara khusus dua persoalan kajian ialah 1) Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan dan kemahiran guru berdasarkan opsyen guru?. 2) Adakah terdapat perbezaan tahap latihan guru berdasarkan opsyen guru?.

Metodologi

Populasi yang disasarkan di dalam kajian ini ialah guru pendidikan khas yang mengajar di Program Pendidikan Khas yang terdapat di daerah Kuching. Persampelan rawak berstrata digunakan di dalam kajian ini iaitu di mana semua individu di dalam populasi mempunyai potensi yang sama untuk dipilih menjadi sampel di dalam kajian ini. Jumlah sampel ialah 100 orang.

Instrumen Kajian

Bagi mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran serta latihan guru guru pendidikan khas di Kuching, satu set soalan soal selidik telah diadaptasi berdasarkan kajian oleh Abdul Rahim, Ahmad Johari, Jamaluddin dan Musa (2006). Item-item soalan ini telah diubahsuai bagi memenuhi kehendak di dalam kajian ini. Terdapat tiga bahagian di dalam instrumen kajian ini yang digunakan untuk mengumpul data iaitu :

Jadual 1 Pembahagian dan taburan soal selidik

Bahagian	Aspek kajian	Jumlah soalan
A	Maklumat responden - Gender - Umur - Opsyen - Tahap pendidikan - Pengalaman mengajar	5
B	Tahap pengetahuan dan kemahiran	10
C	Tahap latihan guru	10
	Jumlah Item Soalan	25

Bahagian A

Bahagian ini adalah mengenai demografi atau latar belakang responden. Bahagian ini mengandungi 5 soalan subjektif iaitu jantina, umur, opsyen guru, tahap pendidikan tertinggi dan tempoh pengalaman mengajar pendidikan khas.

Bahagian B

Bahagian ini adalah bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan dan kemahiran guru pendidikan khas. Item-item dalam bahagian ini adalah pengetahuan dan kemahiran dalam mengajar MBK, iaitu item keyakinan guru untuk mengajar dengan berkesan, kefahaman guru terhadap topik dan item di dalam KSSRPK, pengetahuan dan kemahiran memotivasikan MBK, kebolehan guru mengendalikan ujian-ujian khas dan membuat analisis terhadap MBK, pengetahuan dan kemahiran untuk mengenalpasti MBK dan masalah secara khusus, pengetahuan dan kemahiran dalam kaedah dan teknik pengajaran MBK, kebolehan berkongsi pengetahuan dan kemahiran dengan guru pendidikan khas lain, pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan BBM dan pengetahuan dan kemahiran dalam menyediakan dan melaksanakan RPI. Skala likert 5 skala digunakan untuk mengukur bahagian ini iaitu : 1) Sangat Tidak Setuju, 2) Setuju, 3) Tidak Pasti, 4) Setuju Dan 5) Sangat Setuju.

Bahagian C

Bahagian ini adalah bertujuan untuk mengukur tahap latihan guru pendidikan khas. Item-item yang terdapat di dalam bahagian ini adalah kursus asas pendidikan khas, kursus lanjutan pendidikan khas, keyakinan guru yang terhadap latihan dan berkeyakinan untuk mengajar MBK, latihan terhadap pembinaan modul dan kaedah pengajaran dan pembelajaran MBK, latihan dalam membina kit dan mengendalikan BBM kepada MBK, latihan dalam mengendalikan ujian-ujian khas, terlatih dan boleh berkongsi kemahiran serta pengalaman dengan guru-guru lain di sekolah, terlatih untuk mengenalpasti masalah murid dalam proses pdpc, latihan dalam perancangan dan pelaksanaan RPI dan keperluan untuk latihan intensif untuk menambah pengetahuan dan prestasi kerja. Item-item pada bahagian c ini menggunakan skala likert 5 skala digunakan untuk mengukur bahagian ini iaitu : 1) Sangat Tidak Setuju, 2) Setuju, 3) Tidak Pasti, 4) Setuju Dan 5) Sangat Setuju.

Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Kesahan ialah sejauh mana keupayaan suatu ujian itu mengukur perkara yang sepatutnya diukur (Fauzi, Jamal dan Mohd, 2014). Menurut Fauzi, Jamal dan Mohd (2014) kebolehpercayaan turut membawa maksud konsisten, ketekalan, keteguhan, stabil, boleh dipercayai dan boleh diharap. Kebolehpercayaan adalah hasil daripada ujian atau alat ukur yang digunakan untuk mengukur sesuatu sekiranya diulangi akan mendapat keputusan yang sama. Alpha Cronbach merupakan

ukuran ketekalan dalaman iaitu keputusan di mana satu set item-item berkait rapat di dalam satu kumpulan. Nilai pekali alpha 0.8 atau lebih tinggi merupakan satu nilai yang menunjukkan kebolehpercayaan alat ukur yang baik.

Dapatan Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan terhadap 30 orang guru pendidikan khas yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertugas di daerah selain daerah Kuching di mana pengkaji menjalankan kajian yang sebenar. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk menilai tahap kebolehpercayaan instrument kajian yang akan digunakan oleh pengkaji di dalam kajian sebenar kelak. Ujian reabiliti dijalankan menggunakan perisian SPSS edisi 23 untuk menentukan nilai pekali alpha. Selain itu pengkaji juga ingin melihat tempoh masa yang diperlukan oleh responden untuk menjawab instrument penilaian dan memastikan setiap responden dapat memahami isi kandungan item-item di dalam borang soal selidik yang diedarkan.

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian rintis mengenai instrument penilaian bagi 30 orang sampel guru pendidikan khas. Jadual tersebut menunjukkan nilai pekali yang diperolehi bagi dua konstruk adalah pada tahap yang amat baik. Konstruk pengetahuan dan kemahiran menunjukkan nilai alpha 0.931 manakala konstruk latihan menunjukkan nilai alpha 0.951. Keseluruhan nilai alpha bagi instrument penilaian kajian ini adalah 0.968 yang menunjukkan kebolehpercayaan yang amat tinggi.

Jadual 2 Ringkasan analisis Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian bagi Kajian Rintis

Konstruk	Bilangan item	Nilai alpha	Interpretasi
Pengetahuan dan kemahiran	10	0.931	Amat baik
Latihan	10	0.951	Amat baik
Nilai keseluruhan Cronbach Alpha instrument penilaian		0.968	Amat baik

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Tahap Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Pendidikan Khas

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian pertama iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran pendidikan khas. Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, analisis deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4 Tahap Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Pendidikan Khas

No	Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
B1	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi dalam mengajar murid pendidikan khas.	0 (0.0)	3 (3.0)	5 (5.0)	62 (62.0)	30 (30.0)	4.19	.662
B2	Berkeyakinan untuk mengajar murid berkeperluan khas dengan berkesan.	0 (0.0)	1 (1.0)	6 (6.0)	62 (62.0)	31 (31.0)	4.23	.601
B3	Mempunyai kefahaman yang jelas setiap topik dan item di dalam kurikulum pendidikan khas	0 (0.0)	1 (1.0)	12 (12.0)	63 (63.0)	24 (24.0)	4.10	.628
B4	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran memotivasikan murid berkeperluan khas.	0 (0.0)	1 (1.0)	10 (10.0)	66 (66.0)	23 (23.0)	4.11	.601
B5	Boleh mengendalikan ujian-ujian khas terhadap murid berkeperluan khas dan membuat analisis hasil ujian dengan cekap.	0 (0.0)	3 (3.0)	19 (19.0)	62 (62.0)	16 (16.0)	3.91	.683
B6	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengenalpasti murid-murid pendidikan khas dan masalah secara khusus.	0 (0.0)	3 (3.0)	17 (17.0)	64 (64.0)	16 (16.0)	3.93	.671
B7	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam kaedah serta teknik pengajaran	0 (0.0)	2 (2.0)	10 (10.0)	71 (71.0)	17 (17.0)	4.03	.594

	yang sesuai dan berkesan terhadap murid berkeperluan khas.							
B8	Boleh berkongsi pengetahuan dan kemahiran dengan guru-guru lain untuk mendapatkan kerjasama mereka.	0 (0.0)	0 (0.0)	7 (7.0)	63 (63.0)	30 (30.0)	4.23	.566
B9	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menghasilkan dan mengendalikan Bahan Bantu mengajar (BBM) untuk murid-murid pendidikan khas.	0 (0.0)	1 (1.0)	7 (7.0)	73 (73.0)	19 (19.0)	4.10	.541
B10	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menyediakan dan melaksanakan Rancangan Pengajaran Individu (RPI).	0 (0.0)	1 (1.0)	13 (13.0)	62 (62.0)	24 (24.0)	4.09	.637
Keseluruhan							4.09	.456

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Dalam kajian ini, tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran pendidikan khas diukur oleh 10 item. Jadual 4 menunjukkan kesemua sepuluh item tersebut mempunyai skor yang tinggi dengan julat min antara 3.91 hingga 4.23. Hasil kajian ini menunjukkan item B2 iaitu "*Berkeyakinan untuk mengajar murid berkeperluan khas dengan berkesan*" mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.23, SP = 0.601) manakala item B5 iaitu "*Boleh mengendalikan ujian-ujian khas terhadap murid berkeperluan khas dan membuat analisis hasil ujian dengan cekap*" pula mencatatkan min yang terendah (min = 3.91, SP = 0.683). Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran pendidikan khas (min = 4.09, SP = 0.683) adalah berada pada tahap yang tinggi.

Secara keseluruhannya hasil dapatan kajian ini menunjukkan pengetahuan dan kemahiran guru pendidikan khas adalah pada tahap yang tinggi. Ini dibuktikan dengan skor min hasil analisis item pada soal selidik adalah tidak kurang daripada 3.91 dan skor yang tertinggi adalah 4.23

seperti di dalam jadual 4. Dapatan kajian yang menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi dalam melaksanakan pengajaran pendidikan khas adalah bertepatan dengan dapatan daripada kajian yang telah dijalankan oleh Hasnah et.al (2010) berkaitan dengan tahap pengetahuan guru dalam pengajaran murid berkeperluan khas.

Analisis item menunjukkan skor min yang tertinggi adalah pada item keyakinan guru pendidikan khas untuk menyampaikan pengajaran berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang terdapat pada individu guru pendidikan khas. Untuk mencapai matlamat di dalam proses pengajaran guru pendidikan khas harus mempunyai tahap keyakinan yang tinggi untuk menyampaikan pengajaran mereka. Kenyataan ini disokong oleh Rahayu et.al (2018) menyatakan guru yang memiliki keyakinan yang tinggi akan memberi kesan kepada keberhasilan murid.

Tahap Latihan Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Pendidikan Khas

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian kedua iaitu mengenal pasti tahap latihan guru dalam melaksanakan pengajaran pendidikan khas. Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, analisis deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5 di bawah.

Jadual 5 Tahap Latihan Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Pendidikan Khas

No	Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
C1	Telah menghadiri kursus asas pendidikan khas dan terlatih dengan cekap.	3 (3.0)	4 (4.0)	13 (13.0)	53 (53.0)	27 (27.0)	3.97	.915
C2	Telah menghadiri kursus lanjutan pendidikan khas dan berpengalaman.	1 (1.0)	10 (10.0)	32 (32.0)	43 (43.0)	14 (14.0)	3.59	.889
C3	Terlatih dan berkeyakinan untuk mengajar murid berkeperluan khas	0 (0.0)	4 (4.0)	11 (11.0)	52 (52.0)	33 (33.0)	4.14	.766
C4	Terlatih untuk membina modul dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada murid berkeperluan khas.	0 (0.0)	8 (8.0)	36 (36.0)	45 (45.0)	11 (11.0)	3.59	.793
C5	Terlatih untuk membina kit dan mengendalikan Bahan	1 (1.0)	5 (5.0)	26 (26.0)	57 (57.0)	11 (11.0)	3.72	.766

	Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai dan berkesan untuk murid berkeperluan khas.						
C6	Terlatih untuk mengendalikan ujian- ujian khas yang terdapat di dalam program pendidikan khas.	0 (0.0)	6 (6.0)	22 (22.0)	60 (60.0)	12 (12.0)	3.78 .733
C7	Terlatih dan boleh berkongsi kemahiran serta pengalaman dengan guru-guru lain di sekolah.	0 (0.0)	6 (6.0)	15 (15.0)	63 (63.0)	16 (16.0)	3.89 .737
C8	Terlatih untuk mengenalpasti masalah murid di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PDP).	0 (0.0)	1 (1.0)	21 (21.0)	62 (62.0)	16 (16.0)	3.93 .640
C9	Terlatih dan berkemahiran untuk merancang dan melaksanakan Rancangan Pengajaran Individu (RPI) kepada murid berkeperluan khas.	0 (0.0)	3 (3.0)	20 (20.0)	61 (61.0)	16 (16.0)	3.90 .689
C10	Memerlukan latihan yang lebih intensif untuk menambah pengetahuan dan meningkatkan prestasi kerja.	0 (0.0)	3 (3.0)	14 (14.0)	48 (48.0)	35 (35.0)	4.15 .770
Keseluruhan						3.87	.565

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Dalam kajian ini, tahap latihan guru dalam melaksanakan pengajaran pendidikan khas diukur oleh 10 item. Jadual 5 menunjukkan lapan item mempunyai skor yang tinggi, manakala dua item lagi mempunyai skor yang sederhana. Hasil kajian ini menunjukkan item C10 iaitu

“Memerlukan latihan yang lebih intensif untuk menambah pengetahuan dan meningkatkan prestasi kerja” mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.15, SP = 0.770) manakala item C4 iaitu “Terlatih untuk membina modul dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada murid berkeperluan khas” pula mencatatkan min yang terendah (min = 3.59, SP = 0.793). Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap latihan guru dalam melaksanakan pengajaran pendidikan khas (min = 3.87, SP = 0.565) adalah berada pada tahap yang tinggi.

Di dalam kajian ini item C10 menunjukkan min skor yang tertinggi, item ini menunjukkan bahawa majoriti guru-guru pendidikan khas bersetuju bahawa mereka memerlukan latihan yang lebih intensif berkaitan dengan bidang pendidikan khas. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa guru-guru pendidikan khas bersikap positif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka di dalam bidang yang diajar. Kajian ini seiring dengan dapatan di dalam kajian Affezah et. Al (2017) yang menunjukkan majoriti guru menilai pengetahuan, kemahiran dan kebolehan mereka pada peringkat yang sederhana dan memerlukan latihan yang lebih intensif bagi meningkatkan kecekapan guru dalam menyampaikan pengajaran.

Responden di dalam kajian ini menunjukkan mereka sedar terhadap keperluan latihan bagi membolehkan mereka melaksanakan pengajaran dengan lebih baik. Tambahan pula, latihan yang bersesuaian dengan bidang yang diajar oleh guru dapat membentuk sikap guru yang positif seterusnya membolehkan guru untuk mengajar secara lebih berkesan ini disokong oleh dapatan Costello dan Boyle (2013) yang menyatakan bahawa guru bukan daripada opsyen pendidikan khas menunjukkan impak sikap positif terhadap pengajaran setelah menyelesaikan modul latihan berkaitan pendidikan khas. Melalui dapatan ini menunjukkan bahawa latihan professional dalam bidang yang diceburi oleh guru adalah amat diperlukan oleh responden di dalam kajian ini, sehubungan dengan pendapat Junaidah dan Nik Rosila (2013) menyatakan bahawa guru pendidikan khas perlu diberi peluang untuk menjalani latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran agar dapat bersaing dalam arus pendidikan yang lebih global.

Dapatan pada konstruk tahap latihan dalam pengajaran guru pendidikan khas menunjukkan min skor yang terendah adalah pada item C4 iaitu “Terlatih untuk membina modul dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada murid berkeperluan khas”. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang sederhana pada aspek membina modul dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada murid berkeperluan khas iaitu (min = 3.59). Dapatan ini adalah selari dengan dapatan yang diperolehi di dalam kajian yang dijalankan oleh Fadhilah et.al (2017) yang mendapati bahawa guru mengalami kesukaran dalam merangka modul pembelajaran bagi menyampaikan kurikulum kepada murid di sekolah. Melalui kajian ini menunjukkan bahawa guru pendidikan khas di dalam kajian ini masih memerlukan latihan dalam pembinaan modul dan kaedah pengajaran dan pembelajaran kepada murid berkeperluan khas ini

Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan Dan Kemahiran, Dan Latihan Guru Berdasarkan Opsyen Guru

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian ketiga iaitu mengenal pasti perbezaan tahap pengetahuan dan kemahiran, dan latihan guru pendidikan khas berdasarkan opsyen guru. Ia juga menilai hipotesis seperti berikut:

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap pengetahuan dan kemahiran guru berdasarkan opsyen guru.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap latihan guru berdasarkan opsyen guru.

Hasil ujian-t bagi menguji perbezaan tahap pengetahuan dan kemahiran, dan latihan guru pendidikan khas berdasarkan opsyen guru yang berbeza dipaparkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 Ujian-t Perbezaan Tahap Pengetahuan Dan Kemahiran, Dan Latihan Guru Berdasarkan Opsyen Guru

	Opsyen	N	Min	SP	Nilai t	Sig.P
Tahap pengetahuan dan kemahiran guru	Pendidikan Khas	75	4.16	.436	2.495	.014
	Bukan Pendidikan Khas	25	3.90	.468		
Tahap latihan guru	Pendidikan Khas	75	3.95	.563	2.674	.009
	Bukan Pendidikan Khas	25	3.61	.502		

Hasil daripada ujian t seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6 mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan dan kemahiran guru [$t = 2.495$, $p = 0.014$] berdasarkan opsyen guru. Oleh itu, Ho1 adalah ditolak. Dapatan ini menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam kalangan opsyen guru Pendidikan Khas (min = 4.16, SP = 0.436) adalah lebih tinggi berbanding opsyen guru bukan Pendidikan Khas (min = 3.90, SP = 0.468).

Jadual 6 juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap latihan guru [$t = 2.674$, $p = 0.009$] berdasarkan opsyen guru. Oleh itu, Ho2 adalah ditolak. Dapatan ini menunjukkan tahap latihan guru dalam kalangan opsyen guru Pendidikan Khas (min = 3.95, SP = 0.563) adalah lebih tinggi berbanding opsyen guru bukan Pendidikan Khas (min = 3.61, SP = 0.502).

Opsyen guru pendidikan khas menunjukkan perbezaan skor min di dalam kajian ini, dapatan kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam kalangan opsyen guru pendidikan khas (min = 4.16, SP = 0.436) adalah lebih tinggi berbanding opsyen guru bukan

opsyen pendidikan khas (min = 3.90, SP = 0.468). Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Sanders (2015) dan Mohd Qhairil et.al (2018) yang menunjukkan bahawa guru opsyen mempunyai pengetahuan dan kemahiran dan latihan yang lebih tinggi berbanding dengan guru bukan opsyen.

Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran, dan latihan guru adalah lebih tinggi berdasarkan opsyen guru itu sendiri. Seorang guru pendidikan khas yang berkesan harus mempunyai tahap pengetahuan kemahiran dan tahap latihan yang tinggi. Kepentingan seseorang guru untuk mahir dalam bidang yang diceburi adalah amat penting kerana guru adalah penyampai ilmu pengetahuan dan kemahiran, jika guru kurang kompeten maka keberhasilan murid berkeperluan khas juga akan kurang memberangsangkan seperti yang diaspirasikan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Jadual 9 Rumusan Hipotesis

	Hipotesis	Keputusan
Ho1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap pengetahuan dan kemahiran guru berdasarkan opsyen guru.	Ditolak
Ho2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap latihan guru berdasarkan opsyen guru.	Ditolak

Kesimpulan

Dapatan yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan, soal selidik yang diedarkan kepada responden dapat disimpulkan bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran dan tahap latihan guru pendidikan khas dalam pengajaran pendidikan khas adalah pada tahap yang tinggi. Walaubagaimapun, hasil perbandingan skor min menunjukkan terdapat perbezaan tahap pengetahuan dan kemahiran dan tahap latihan antara skor min kumpulan guru opsyen pendidikan khas dan guru bukan opsyen pendidikan khas dalam pengajaran. Secara keseluruhannya kajian ini melihat kepada keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran kepada murid berkeperluan khas berdasarkan tahap pengetahuan dan kemahiran dan tahap latihan guru pendidikan khas. Adalah diharapkan guru pendidikan khas sentiasa mencuba untuk meningkatkan kemampuan serta potensi diri sebagai seorang pendidikan yang menyampaikan ilmu kepada murid berkeperluan khas. Melalui kajian ini juga, guru-guru yang menjadi responden di dalam kajian ini berharap dan bersedia untuk menjalani latihan yang lebih intesif untuk menambah pengetahuan dan prestasi kerja mereka.

Rujukan

- Abdul Rahim, H., Ahmad Johari, S., Jamaluddin, R., & Musa, I. (2006). Tahap Minat, Pengetahuan Dan Kemahiran, Latihan Guru Dan Beban Tugas Guru Program Pemulihan Khas Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian, Johor. Annual Conference on Teacher Education, 1-21.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2017). Surat Makluman. KPM.600-10/6/2 Jld.8 (14). Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bhasah, A.B. (2007). Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Fauzi, H., Jamal, A., & Mohd Safoul, Z.N. (2014). Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Jamila, K.A, M. (2005). Pendidikan Khas Untuk Kanak-Kanak Istimewa. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Kauffman, J.M & Hallahan, D.P. (2005). Special Education What It Is and Why We Need It. Boston: Pearson Education.
- K.A, Razhiyah. (2005). Menjadi guru pendidikan khas. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Khalid, J., Zurida, I., Shuki, O., & Ahmad Tajuddin, O. (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru Dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. Jurnal Pendidikan Malaysia, 34 (2), 3-14.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). Standard Guru Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Lovorn, M. (2017). Thinking historically, acting locally: Training teachers in historiographical Analysis of local monuments. Multidisciplinary Academic Conference.
- Kaviza, M. (2018). Pengalaman Mengajar atau Latihan Profesional Guru dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. EDUCATUM – Journal of Social Science (EJOSS), Vol. 4, 2018, 40-46.
- Mohd Rizal, M.S., & Muallimah, A. (2010). Masalah Guru Pendidikan Khas Program Integrasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah, Daerah Kota Tinggi, Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norizan, A.G, Zahidah Anisah, M., & Che Wan Takwa, C.W.A.B. (2013). Teachers' Challenge In Educating Special Children In Special Classes Of Three Selectes Primary Schools, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. Advanced In Natural And Applied Sciences, 7(3), 284-291.
- Shaffeei, K., Razalli, A & Khalil, S. (2019). Tahap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Khas. Seminar Amalan Terbaik PdPc Pendidikan Khas Peringkat Negeri Selangor Universiti Pendidikan Selangor (UNISEL), 1-19.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and Teaching: Foundations of the New Reform. Harvard Educational Review, 57, 1-22.
- Sudirman As. 2013. Pengurusan Pelatihan Dalam Meningkatkan Kompetensi Guru, Motivasi Kerja Guru dan Amalan Profesionalisme Guru Sekolah Menengah Pertama (SMP) di Provinsi Riau Indonesia. Universiti Kebangsaan Malaysia.